

Article Info:

Received Date: 14 August 2019

Accepted Date: 03 September 2019

Published Date: 14 September 2019

Corresponding Author:

zainuddinr2012@gmail.com

Pengaruh Gaya Seni Barat Dalam Arca Anthony Lau (1933-2016)

The Influence of Western Art Style in Anthony Lau's (1933-2016)

Zainuddin Abindinhazir @ Abd. Rashid

Amir Hashim

Hafizul Fahri Hanafi

Universiti Pendidikan Sultan Idris

zainuddinr2012@gmail.com

Abstrak

Aliran dan gaya seni barat meninggalkan pengaruh besar terhadap perkembangan senirupa Malaysia. Pendokongan terhadap seni tradisi, persoalan identiti, jati diri budaya dan desakan kemodenan membuka luas ruang komentar seni berkaitan pengaruh dalam tempoh yang panjang. Makalah ini adalah sebahagian dari siri-siri komentar seni diusahakan sebagai inisiatif untuk meneliti, memahami dan membahas kesinambungan isu pengaruh gaya barat dalam sinario perkembangan seni arca tempatan. Penulisan ini mengkhususkan hanya tiga buah karya arca oleh Anthony Lau. Penulisan ini menggunakan kerangka analisis formal melalui kaedah komparatif dan pembacaan ikonografi. Pembacaan ikonografi bertujuan memahami makna-makna simbolik dan mengandaikan keberadaan asimilasi, adaptasi dan aplikasi elemen dan prinsip gaya barat berdasarkan aspek-aspek yang boleh dilihat dan dinilai melalui karya tampak. Karya-karya yang dipilih adalah untuk perbandingan sampel bagi tujuan perbincangan akademik.

Kata kunci: Pengaruh, "Ayam Jantan / Cockerel" (1963), "Rimba / Forest" (1967), "Hasil Laut / Sea Harvest" (1968)

Abstract

Western art movement and styles have left a significant impact on the development of Malaysian fine art. Reinforcement of traditional art, the search for identity, cultural identity and the pressures of modernization have opened up space for a continuous commentary. This paper is part of a series of art commentaries undertaken as an initiative to examine, understand and discuss the continuity of western style influences in the Malaysian art scene's developmental scenario. This paper specializes narrowly on three sculptures by Anthony Lau. This study involves the implementation of formal analysis frameworks through comparative methods and iconographic interpretation. Specifically, the understanding of the iconography of symbolic meanings is capable of assuming the understanding of assimilation, adaptation and application of formalism, and systematically understanding the contents of its condition with the conjunction of western art style. Those selected works are sampling of comparisons for academic discussion purposes.

Keywords: Influence, "Ayam Jantan / Cockerel" (1963), "Rimba / Forest" (1967), "Hasil Laut / Sea Harvest" (1968)

PENGENALAN

Segala seni adalah tampilan sekaligus merepresentasi simbol. Kenyataan ini bukan sesuatu yang mengejutkan kerana manifestasi pertama manusia adalah seni. Lukisan-lukisan gua dan hieroglif¹ adalah cetusan pemikiran manusia terdahulu dalam mencari makna kehidupan. Representasi piktoral abstrak secara perlahan, dan semakin menguat sehingga melahirkan seni berjisim, yang disebut 3-dimensi atau seni arca.

Pengaruh difahami sebagai suatu daya tarikan, minat atau dorongan yang terzahir dari sesuatu (individu, kumpulan, ideologi, politik, religus, kebudayaan, teknologi, material dan sebagainya) yang mana seseorang akan cenderung untuk mengikut ciri-ciri perwatakan, kepercayaan, perbuatan atau sifat-sifat fizikal daripada entiti tersebut. Pengaruh berhubung erat dengan kekuasaan dan kemajuan yang berupaya mengakibatkan perubahan perilaku. Pengaruh wujud dalam situasi formal mahupun informal, secara berseorangan atau organisasi dengan ciri-ciri yang lebih inovatif, kompeten, kosmopolitan dan aksesibiliti dari pihak yang dipengaruhi.

Pengaruh wujud dalam semua genre seni. Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan berlakunya pengaruh antaranya pendidikan, sosialisasi dan globalisasi. Bidang seni tampak khususnya arca, kesan-kesan pengaruh dapat dilihat dan dikenalpasti melalui aspek teknikal, bahan, gaya, ikonografi dan pengisiannya. Kesan awal pengaruh barat terhadap pernyataan tampak 3-dimensi di Malaysia ditandai dengan pembinaan arca-arca kolonial, Tugu Negara dan arca figura Tunku Abdul Rahman. Sungguhpun negara ketika pembinaannya tidak mempunyai kepakaran dalam membina figura gigantik yang sedemikian rupa, namun pengaruh dan kecenderungan pemikiran barat, mendorong pemerintah menggunakan kepakaran pengukir barat, sekalipun melibatkan perbelanjaan besar semata-mata merealisasikan matlamat mewujudkan sebuah monumen, sepertimana budaya yang dipraktikkan di negara barat.

Seni arca moden Malaysia berkembang melalui inisiatif awal seniman pelopor seperti Syed Ahmad Jamal, Latiff Mohidin, Redza Piyadasa, Anthony Lau, Yeoh Jin Leng, Lee Kian Seng, Cheong Lai Tong, Tan Tuck Kan dan yang lainnya (Tamyez Bajuri, 1996). Pengalaman pendidikan dari luar negara dalam kalangan seniman generasi pertama ini telah merealisasikan pameran arca pertama pada tahun 1976 di Balai Seni Lukis Negara. Seni arca terus berkembang hingga ke arena kontemporari dekad ini.

Komentar seni arca tempatan dan pengaruh seni gaya barat seringkali diperkatakan. Artikel “Tinjauan Seni Arca Moden di Malaysia” adalah rujukan penting berkaitan arca Malaysia. Ia menyentuh tentang pengaruh gaya barat. Disebutkan bahawa karya arca Anthony Lau cenderung kepada konsep artis Constantin Brancusi (T.K Sabapathy, 1976). Anthony Lau, Lee Kian Seng dan Redza Piyadasa turut mendapat pendidikan formal dalam jurusan arca di Barat. Justeru itu pengaruh pergerakan seni moden diimpot ke dalam budaya seni Malaysia secara mendadak (Baharuddin Mohammad Arus, 1996).

Karya-karya arca figuratif siri *Modern-Primitive* oleh Chin Wan Kee sangat sebatian dengan tradisi arca Eropah. Ia adalah naratif yang diilhamkan dari legasi Picasso dan Matisse (Beverly Yong, 2003). Seniman negara Syed Ahmad Jamal juga disebut merujuk kepada bentuk daripada karya-karya artis Constable, Michealangelo, Cezanne, Picasso dan beberapa lagi seniman barat


¹ Hieroglif berasal dari perkataan Yunani purba “hieroglyph” bererti “ukiran suci/sakral”. Hieroglif adalah formal aksara yang digunakan oleh orang Mesir Purba yang dicipta melalui gabungan unsur-unsur logogram dan abjad. Aksara-aksara ini berfungsi sebagai satu sistem penulisan bahasa simbol. Oleh itu terdapat hieroglif yang berupa huruf, abjad atau sebuah pengungkapan kalimat. Sehingga kini lebih dari 700 aksara hieroglif dikenalpasti.

(D’Zul Haimi Md. Zain, 2009). Karya-karya Syed Ahmad Jamal sangat terpengaruh dengan gaya ekspresionis dan ekspresionisme abstrak (Faizal Sidik, 2012).

Tinjauan literasi seawal tahun 1976 hingga 2012 menjelaskan pengaruh gaya barat adalah isu yang tidak putus diperkatakan. Sungguhpun demikian, signifikansi kewujudan pengaruh gaya barat dalam kalangan seniman Malaysia tidak pernah dibuktikan secara jelas, melainkan sekadar maklumat umum kepada pembaca tanpa bukti-bukti santifik. Berdasarkan komentar dan kritikan seni berkaitan isu pengaruh gaya barat, makalah ini akan membicarakan secara khusus tiga karya arca iaitu, “Ayam Jantan / *Cockerel*” (1963), “*Rimba / Forest*” (1967) dan “*Hasil Laut / Sea Harvest*” (1968) oleh Anthony Lau. Ia adalah usaha untuk mengesan dan membuktikan komentar tentang kewujudan pengaruh barat sepertimana yang disebutkan oleh T.K Sabapathy (1976), Baharuddin Mohammad Arus (1996), Beverly Yong (2003), D’Zul Haimi Md. Zain (2009) dan Faizal Sidik (2005). Pembuktian ini bertujuan menjelaskan secara visual tentang atribut pengaruh gaya barat dan idea-idea sebaliknya sebagai penghayatan terhadap sejarah perkembangan seni arca Malaysia.

REKABENTUK DAN METODOLOGI

Makalah ini dijalankan secara kualitatif melalui dua pendekatan iaitu penelitian diskriptif dan analisis komparatif. *Rajah 1* di bawah menjelaskan prosidur penulisan yang dijalankan.



Rajah 1: Kerangka Penulisan

Kajian diskriptif

Kajian diskriptif diusahakan untuk menjelaskan dan menginterpretasi subjek sesuai dengan keberadaannya (Best, 1982). Karya-karya arca memiliki atribut yang sama sebagai objek dan subjek. Keberadaan ini adalah pemangkin yang relevan untuk aplikasi kaedah diskriptif dalam menerang dan mendeskripsi fenomena yang ada pada sesuatu subjek (Sukmadinata, 2006). Atribut yang diteliti termasuklah karakteristik, perubahan, hubungan, kesamaan dan perbezaan antara fenomena tersebut. Kaedah diskriptif memberikan penerangan yang sistematik mengenai fakta dan ciri-ciri sesuatu populasi/ bidang/artifak yang dikaji secara fakta dan tepat (Sidek, 2002), samada melalui pendekatan kuantitatif atau kualitatif (Yeni, 2009).

Kaedah ini diusahakan dengan matlamat untuk mengesan penulisan-penulisan yang menyatakan wujudnya pengaruh gaya seni barat di Malaysia. Secara khususnya, kajian ini adalah untuk membuktikan andaian tiga daripada karya arca oleh Anthony Lau berkemungkinan cenderung dengan pemilikan ciri-ciri sinonim dengan aliran-aliran seni Barat.

Analisis komparatif

Diusahakan dengan tujuan untuk membandingkan arca “Ayam Jantan / *Cockereel*” (1963), “*Rimba / Forest*” (1967) dan “*Hasil Laut / Sea Harvest*” (1968) oleh Anthony Lau. Lukisan garis (*line drawing*) dihasilkan bagi kejelasan perbandingan. Atribut perbandingan dijelaskan (lihat *Jadual 1*) dengan ketetapan seperti berikut:

- 1) Kesamaan bahan.
- 2) Kesamaan teknikal.
- 3) Kesamaan hal-benda\subjek.
- 4) Kesamaan bentuk\komposisi.
- 5) Kesamaan tajuk.
- 6) Kesamaan gaya.

Ciri-ciri kesamaan perlu mengandungi ketetapan-ketetapan berikut:

- 1) Identifikasi pengaruh. Arca-arca oleh seniman barat harus dihasilkan terlebih dahulu sebelum karya “*Ayam Jantan / Cockereel*” (1963), “*Rimba / Forest*” (1967) dan “*Hasil Laut / Sea Harvest*” (1968) oleh Anthony Lau. Tarikh \ tahun penghasilan dirujuk untuk penilaian. Anjakan ini bermaksud karya seni yang dahulu dihasilkan mempengaruhi karya yang dihasilkan kemudian. Konsep ini digunakan dalam menjelaskan karya-karya yang menerima pengaruh.
- 2) Identifikasi pemikiran / ideologi. Mengkaji perkaitan 3 arca terpilih oleh Anthony Lau, yang memiliki kecenderungan yang sama, atau hampir sama dengan pemilikan sifat-sifat fizikal yang boleh dikesan dalam aspek-aspek gaya, bentuk, teknikal dan bahan oleh seniman barat.

Latar Belakang: Anthony Lau (1933-2016) Pelopor Seni Arca Moden Malaysia

Anthony Lau lahir pada tahun 1933 di Johor Bahru dan meninggal dunia pada September 2016. Menganggotai kumpulan Friday Art Group dan melanjutkan pengajian seni halus di Brighton College of Art, Sussex, England pada tahun 1957, dan Indiana University di Bloomington, Amerika Syarikat pada tahun 1968. Beliau disebut sebagai satu-satunya seniman pengarca terawal Malaysia kerana penglibatan dan keperihatinan beliau terhadap bahan, kemahiran teknikal dan komitmen yang tinggi dalam bidang arca (Liza Marziana, 2016).

Anthony Lau memainkan peranan penting sebagai seorang seniman pengarca. Beliau memberi sepenuh tumpuan terhadap penghasilan karya-karya 3-dimensi disepanjang karier seni beliau. Idea-idea awal beliau lebih terdorong kepada usaha rintis terhadap eksperimentasi teknikal dan bentuk kepada pemahaman baru tentang medium konvensional. Pendekatan berkarya beliau sangat bergantung kepada keupayaan mengolah bahantara dan kemahiran teknikal. Sasaran kaedah manipulasi ini adalah untuk menyerlahkan kekuatan bentuk artistik melalui capaian kesan-kesan estetik daripada olahan elemen dan prinsip seni dalam konteks 3-dimensi.

Analisa Komparatif Pengaruh Gaya Seni Barat Dalam Arca Anthony Lau (1933-2016)



Artis: Anthony Lau. Tajuk: Ayam Jantan / Cockerel”.
Year: 1963. Bahan: Mild Steel plate and rod. Ukuran:
59 x 91 x 28cm.



Artis: Michel Anasse. Tajuk: “Coq” / Rooster.
Tahun: Executed circa 1960. Bahan: Mild steel rod.
Ukuran: 34 x 38 cm.

Gambar 1: Perbandingan imajan “Ayam Jantan / Cockerel” (1963) oleh Anthony Lau dan “Coq” / Rooster” (1960) oleh Michel Anasse.

Jadual 1: Analisa Komparatif Arca “Cockerel” (1963) Oleh Anthony Lau Dan “Rooster” (c.1960) Oleh Michel Anasse

		SENIMAN BARAT		SENIMAN TEMPATAN	
KRITERIA KOMPARATIF		Artis: Michel Anasse Arca: Coq/ Rooster (c.1960)		Artis: Anthony Lau Arca: Cockerel (1963)	
i	Kesamaan Bahan	√	Besi berbentuk bulat (<i>iron rod</i>)	√	Besi berbentuk bulat (<i>iron rod</i>)
		√	Kombinasi logam kepingan (bahagian badan dan paruh)	√	Kombinasi logam kepingan (bahagian ekor)
ii	Kesamaan Teknikal	√	Teknik kimpalan (<i>oxy-acetylene welding</i>)	√	Teknik kimpalan (<i>oxy-acetylene welding</i>).
		√	Potongan <i>Oxy-acetylene</i>	√	Potongan <i>Oxy-acetylene</i>
		√	Cairan <i>Oxy-acetylene</i>	√	Cairan <i>Oxy-acetylene</i>
		x	Ketuk lengkung / <i>Doming</i>		
iii	Kesamaan ikon / hal-benda	√	Zoomorfik	√	Zoomorfik
		√	Cockerel / Rooster / Cock	√	Cockerel / Rooster / Cock
		√	Aksi mulut terbuka, berkokok atau mengembangkan bulu leher dan sayap	√	Aksi mulut terbuka, berkokok atau mengembang bulu leher
		=	Berdiri tanpa tapak	=	Berdiri atas tunggul/tapak
iv	Kesamaan Bentuk / Komposisi	√	Texture kimpalan/melting pada bahagian kaki	√	Texture kimpalan/melting pada bahagian kepala, badan dan kaki
		x	Tidak mempunyai tapak	√	Mempunyai tapak
		√	Ulangan susunan bebilah rod besi kepala, leher, badan, sayap dan ekor	√	Ulangan susunan bebilah rod besi pada leher
		=	Ulangan susunan bebilah rod besi sebagai pola pergerakan	=	Ulangan corak diamond pada badan sebagai satu pola geometric
		=	Formasi bentuk badan menegak dengan penekanan aksi pada bahagian kepala dan sayap	=	Formasi badan ayam dalam keadaan mencondong dengan penekanan aksi pada bahagian kepala dan ekor.
v	Kesamaan Tajuk	√	Rooster	√	Cockerel
vi	Kesamaan Gaya	√	Abstract Constructivism	√	Abstract Constructivism

Petunjuk

√ Hubungan Signifikan	+ Hubungan Setara	= Hubungan Minima	x	Tiada hubungan
RINGKASAN KOMPARATIF	Konstruksi karya melibatkan gabungan hampir semua atribut kajian yang jelas menunjukkan kewujudan pengaruh daripada gaya barat, kecuali sedikit perbezaan pada tapak, badan dan paruh.			
Pengaruh Ketara				

Michel Anasse lahir pada 19hb Disember 1935 di Paris, ibukota Perancis, sebuah bandar utama Eropah yang terkenal dengan kegiatan seni dan budaya. Anasse adalah seniman moden serba boleh yang menceburi bidang sculptures, paintings, ceramics dan decorative objects. Dalam pembuatan arca, Anasse mahir mengendalikan bahan-bahan logam seperti besi, aluminium dan tembaga.

“*Coq / Rooster*” (c.1960) adalah arca zoomorphic dalam naungan bentuk ayam jantan. Karya ini dibuat secara gabungan antara kepingan besi dan r4 *mild steel rod*. Kepingan besi yang bujur melengkung sepertimana dada ayam disambungkan dengan bilah-bilah dawai besi secara bersusun untuk membentuk lain-lain anggota badan, seperti ekor, kepak, badan dan kepala. Sedikit tambahan kepingan untuk membentuk paruh yang sedang terbuka. Bilah-bilah besi pada bahagian paha dan kaki diselesaikan dengan kaedah melebur menggunakan api oxy-acetylene untuk memberikan kesan jalinan yang menggerutu seperti mana layaknya kaki ayam.

Bentuk figura abstrak ayam jantan sedang mengembangkan ekor dengan kepak yang dilebarkan dalam keadaan dua kaki yang sedikit membengkok dan terbuka. Ekspresi figura ini dikuatkan di bahagian kepala ayam dengan bulu tengguk yang mengembang dan mulut yang terbuka luas. Postur ini membayangkan aksi seekor ayam bapak sedang berkokok atau sedang berang, dan bersedia untuk beradu. Gambar dibawah merujuk tiga posisi berbeza arca “*Coq*” / *Rooster* (c.1960) oleh Michel Anasse.



Gambar 2: Tiga sisi pandangan arca “*Coq / Rooster*” (c.1960) oleh Michel Anasse.

Komposisi diperkukuh dengan susunan bilah-bilah besi sebagai elemen garisan. Pola ulangan dalam gabungan saiz panjang dan pendek disusun secara separuh bulat di bahagian ekor dan kepala. Kesedaran ini berjaya memaparkan suatu ilusi pergerakan yang impresif dengan kesan dramatik dalam suasana menegangkan bulu roma (*hair-raising situation*).

Dari aspek estetik impak kombinasi dua sifat fizikal bahan antara kepingan besi dan dawai besi menzahirkan kontra dalam aspek texture dan arah akibat susunan bilah-bilah dawai pada bentuk-bentuk rigid dalam pelbagai arah. Kontra dua sifat fizikal bahan ini memberikan kesan pencahayaan yang berbeza. Keserasian ini mempersembahkan mood pergerakan yang bertenaga (*energetic*) disertai ransangan emosi yang kuat.

Karya *Cockerel* (1963) oleh Anthony Lau (Gambar 1) turut dibina dalam posisi dramatik seekor ayam jantan bertenggek di atas tunggul kayu dalam aksi sedang berkokok. Postur leher yang dipanjangkan seakan memaparkan aksi kokokan seolah bergema dengan kuat dan nyaring. Bahan, teknik dan subjek diolah dalam sebuah komposisi yang dinamik dan bersemangat (*vigorous*) dalam mempersembahkan ciri-ciri kegagahan dan kewibawaan dalam kepimpinan. Setiap bahagian anggota badan ayam diberi sentuhan yang penuh bertenaga (*vital*) hasil kepekaan terhadap elemen dan prinsip seni yang cukup baik.

Dilihat dari posisi belakang, kepingan besi lengkung dipotong kasar menggunakan oxy-acetylene dibiarkan menggerutu tanpa kemas, malahan dimantapkan lagi dengan cairan logam untuk membentuk tektura garisan timbul. Silang susunan kepingan besi lengkung sama ada mengiring ke kanan, ke kiri, atau menegak mempamerkan aksi rohani (*spirited*) sepertimana lagak bapak ayam mengembangkan ekornya. Keindahan bertambah baik dengan pencahayaan yang sempurna.

Dilihat dari posisi tepi, membayangkan kekayaan idea dan kreativiti dalam mengolah kesepaduan bentuk kepala, badan dan ekor. Bahagian kepala menonjolkan ekspresi garang melalui kedudukan balong yang berdiri tegak, paruh yang terbuka dan bulu tengkuk yang tegang meremang. Abstraksi yang mendominasi bahagian badan telah dirancang dengan baik melalui ulangan bentuk-bentuk geometric dalam selang sili ruang negatif dan positif pada posisi mencondong. Bentuk-bentuk ini disokong oleh tektur dari cairan besi sepertimana yang terdapat pada arca “Coq” / Rooster (c.1960) by Michel Anasse.

Pandangan dari sisi atas, ia persis anak panah yang sedang meluncur, menzahirkan sifat ketangkasan, keberanian dan kuasa. Tapak dari bungkah kayu membantu mendekati emosi penonton kepada persekitaran hidup habitat tersebut. Menganalisa dari sudut pengisian arca Ayam jantan oleh Anthony Lau (1963) adalah simbol keberanian, perjuangan dan kebebasan yang dihubungkan dengan inspirasi terhadap tanggungjawab setiap warganegara merdeka unruk memelihara keharmonian, mempertahankan dan melindungi wilayahnya dari sebarang ancaman (Ahmad, 2011).

Masyarakat awal Eropah seperti yang dituliskan oleh J.E. Cirlot (1971) menganggap “Cock” sebagai burung pada waktu subuh dan juga symbol matahari kerana seringkali muncul di menara katedral dan kubah gereja Kristian. Ia menjadi lambang alegori terhadap kewaspadaan dan kebangkitan dalam konteks yang cenderung ke arah keabadian perkara-perkara roh, dan berjaga-jaga untuk menyambut kelahiran Sun-Christ. Ayam jantan mewakili kebanggaan dan keberanian. Bergerak aktif seawal waktu subuh. Ia adalah simbol matahari dan sebagai tanda kebangkitan (David Fontana (1994).



Gambar 3: Simbolisma Ayam jantan ditafsir dengan pelbagai makna.

Dalam kepercayaan mistik masyarakat barat kuno, ayam bapak disifatkan sebagai utusan roh yang mati dari alam mitos. Kokokan ayam seumpama seruan kepada roh pejuang yang mati di medan perang dengan diiringi oleh dewa Mercury. Kokokan *rooster* pada waktu suboh dipercayai mempunyai kuasa untuk menghalau roh-roh jahat dari mengganggu manusia. Lain-lain makna yang disandarkan kepada simbolisme global ayam bapak adalah keunikkan, ego, kurang rasa takut, rasa ingin tahu, seksualiti dan permulaan baru (Bernadette, 2016).

Merujuk *Jadual 1* di atas hampir semua atribut perbandingan adalah sama. Dominasi yang berpaksi pada konstruksi bentuk zoomorphic didirikan secara gabungan antara besi kepingan dan dawai besi bersaiz r4 melalui kaedah sambungan oxy-acetylene. Umumnya, gaya, aplikasi teknikal, bahan dan subjek antara karya Anthony Lau (1963) dan Michel Anasse (1960) adalah sama, namun kebijaksanaan Anthony Lau memanipulasi fizikal bahan memberikan lebih kekuatan visual dalam semua sisi pandangan pada karya beliau.

Perbezaan bandingan yang minima diperhatikan adalah komposisi dan representasi figura abstrak. Sedikit perbezaan dalam penggunaan bahan, iaitu bungkah kayu pada bahagian tapak dalam karya Anthony Lau (1963), sementara karya Michel Anasse (1960) dibina tanpa kepentingan tapak.

Rumusan bandingan dinyatakan sebagai karya “*Cockereel*” (1963) oleh Anthony Lau menerima pengaruh ketara dari gaya seni barat. Dapatan analisa menunjukkan terdapat aplikasi semua atribut kajian yang menjelaskan kewujudan pengaruh seni gaya Barat oleh seniman tempatan.



Artis: Anthony Lau. Tajuk: “*Rimba / Forest*”. Year: 1967. Bahan: Mild Steel plate and rod. Ukuran: 60 x 30 x 30cm.



Artis: Harold B. Cousins. Tajuk: “*Petite Foret / Forest*”. Tahun: 1963. Bahan: Mild steel rod. Ukuran: 55.88 x 17.78 x 16.51cm.

Gambar 4: Perbandingan Imej “*Rimba / Forest*” (1967) oleh Anthony Lau dan “*Petite Foret / Forest*” (1963) oleh Harold B. Cousins.

Jadual 2: Analisa Perbandingan Arca “*Petite Foret / Forest*” (1959) oleh Harold B. Cousins dan “*Rimba / Forest*” (1967) oleh Anthony Lau.


		ARTIS BARAT		ARTIS TEMPATAN	
No	COMPARATIVE CRITERION	Artis: Harold B. Cousins	Karya: Forest (1959)	Artis: Anthony Lau	Karyaa: Forest / Rimba (1967)
i	Kesamaan Bahan	√	Besi berbentuk bulat (iron rod).	√	Besi berbentuk bulat (iron rod).
ii	Kesamaan Teknikal	√	Teknik kimpalan / <i>welding</i>	√	Teknik kimpalan / <i>welding</i>
		√	Lipatan / Bending	√	Bending

iii	Kesamaan ikon / hal-benda	√	Alam semulajadi / flora	√	Alam semulajadi / flora
		√	Ranting / dahan / cabang	√	Ranting / dahan / cabang
iv	Kesamaan Bentuk / Komposisi	+	Konstruksi ulangan kerangka berbentuk 'h'	+	Konstruksi ulangan kerangka berbentuk 'U'
		x	Mempunyai tapak	√	Tidak mempunyai tapak
		=	Binaan structure dengan penekanan terhadap ruang tengah	=	Binaan structure dengan penekanan terhadap ruang secara menyeluruh
v	Kesamaan Tajuk	√	Forest	√	Forest
vi	Kesamaan Gaya	√	Abstract Constructivism	√	Abstract Constructivism
Petunjuk					
√	Hubungan Signifikan	+	Hubungan setara	=	Hubungan minima
				x	Tiada hubungan
RINGKASAN KOMPARATIF		Penggunaan subjek tumbuhan dalam seni sangat meluas. Motif tumbuhan, bunga dan geometri diolah dalam pelbagai gaya stailisasi sebagai keutamaan. Pelbagai pengertian terhadap simbol tumbuhan seperti pokok Melaka dan Pinang sehingga dijadikan nama negeri. Mempunyai nilai abstrak dalam aspek penafian subjek figuratif, konsep pengulangan geometrik dan konstruksi bentuk abstrak.			
Pengaruh Ketara		Konstruksi karya melibatkan gabungan semua atribut kajian yang jelas menunjukkan wujud pengaruh gaya Barat.			


Harold B. Cousins lahir di Washington, D.C., Amerika Syarikat pada tahun 1916. Beliau meninggal dunia pada October 30, 1999. Idea awal karya-karya Cousins adalah ilham dari kayu hanyut yang ditemui di pantai ketika melancong ke Majorca, Sepanyol, pada musim panas pada tahun 1951. Sekembali ke Paris, beliau mengintegrasikan rod-rod besi yang dilentur-bengkok dan ditegak-lurus dalam penghasilan arca sebagai permulaan siri *Forest*. Arca-arca dibentuk dalam kekusutan garisan-garisan unik cetusan alam semulajadi yang diterjemah ke dalam bentuk mujarrad.

Arca pertama dalam siri ini adalah *Forest* (1951). Pada tahun 1954 dan 1955, beliau mengadakan beberapa pameran major di Paris. Majoriti arca-arca (*gambar 6.5*) yang dipamerkan adalah inovasi dari siri "*Forest*" (Harold Cousins, 1971). Sehingga akhir tahun 50-an, arca *Forest* dikembangkan dalam pelbagai variasi seperti *Forest* (1955), *Forest Group* (1958), *Forest* (1959), *La Forêt/The Forest* (1960), *Forest* (1962) dan *Petite Foret* (1963). Lain-lain karya yang mengambil binaan struktur bentuk dan teknikal yang sama adalah seperti *Mur Anime* (1951), *Vosges* (1957), *Galaxie Suspendue* (1959), *Sculpture '58* (1958), *Sculpture '59* (1959), *Grille Animee* (small -1961) dan *Grille Animee* (large -1962).


Imej Asal



Lukisan Garis



Artist: Harold B. Cousins. Tajuk karya: *Forest* 1962. Tahun: 1962.
Medium: Rod besi. Saiz: 121.92 x 53.34 x 31.75 cm.



Artist: Harold B. Cousins. Title: Forest. Year: 1959. Medium: Rod besi. Size: 139.7 x 64.8 x 30.48 cm.

Gambar 5: Lain-lain Siri Arca Forest yang Sinonim by Harold B. Cousins.

Arca “*Rimba / Forest*” (1968) oleh Anthony Lau juga berilhamkan subjek alam tumbuhan. Arca ini dibina menggunakan susunan batang besi bulat dengan aturan tinggi rendah, jarang dan padat, menimbulkan kesan ritma pengulangan ruang-ruang samar yang berlapis-lapis. Objektifnya sekadar menghayati keindahan alam tumbuhan dalam gaya konstruktivisme abstrak. Ia terhasil dengan kepekaan terhadap elemen garisan melalui prinsip hubungan antara dahan, batang dan ranting tumbuhan.

Berdasarkan perbandingan, arca tunggal “*Rimba \ Forest*” (1967) oleh Anthony Lau mempunyai kaitan pengaruh yang ketara dalam semua atribut perbandingan dengan siri-siri arca “*Forest*” (1963) oleh Harold B. Cousins. Hubungan yang sangat signifikan diperhatikan pada persamaan aplikasi prinsip pengulangan, elemen-elemen garisan dari bilah-bilah besi disusun secara konsisten bagi mengujudkan variasi ruang.

Perbezaan kecil dikesan hanya terhadap bentukan dan pola susunan. Konstruksi bentuk kerangka ‘U’ dalam karya ‘*Rimba*’ oleh Anthony ternyata lebih mengutamakan ruang bahagian atas dan dibina tanpa tapak. Konstruksi bentuk struktur ‘h’ dalam karya “*Forest*” (1963) oleh Harold B. Cousins didirikan atas tapak tebal, menggunakan saiz rod yang lebih besar. Keutamaan design adalah kepadatan pada ruang tengah. Sebaliknya dalam siri yang lain, “*Forest*” (1959) (lihat, *Plate 6.5*) oleh Harold B. Cousins didirikan dalam saiz yang lebih besar, dengan tumpuan setara di setiap bahagian sisi, atas dan bawah untuk kewajaranimbangan.

Karya Anthony Lau menjelaskan pengaruh dalam aspek teknikal dan penggunaan bahan adalah lebih dominan. Situasi seakan meletakkan kepentingan makna dan estetik pada pertimbangan yang kedua. Lau menjelaskan bahawa arca beliau berbentuk bebas bergantung kepada sifat dan keberkesanan bahan, dan menekankan bahawa setiap seniman perlu menghormati bahan (Dolores, 1971). Persamaan ini dilihat pada minat pengarca Amerika, Harold B. Cousins terhadap bentuk organik ilham dari fragmen-fragmen tumbuhan adalah didorong oleh keupayaan teknikal berbanding tujuan estetik. Kerumitan komposisi dalam imaginasi akar, cabang dan ranting tumbuhan dikembangkan sebagai tema kepada penghasilan karya selanjutnya (Trier, 1960).

Ulasan-ulasan lain yang signifikan dinyatakan oleh Dolores D. Wharton bahawa kerja seni Anthony Lau dipengaruhi oleh bentuk-bentuk seni Egypt. Lau amat terkesan dengan kuasa ekonomi² yang terdapat pada elemen garisan. Lau dikatakan merujuk karya-karya Barbara Hepworth dengan saringan-saringan yang klinikal dan turut merujuk karya Alberto Giacometti dan Marino Marini dalam memahami tektura. Oii Kok Chuen (1988) mengatakan kerja seni Anthony Lau diasaskan dengan bentuk mudah sepertimana fahaman minimalisme. Lau menghargai nilai ekonomi garisan dan konstruksi bentuk minimal arca Egypt dan binaan oleh pengarca Henry Moore, Barbara Hepworth dan Isamu Naguchi. Tema hutan juga diusahakan oleh Harry Bertoia melalui arca abstrak berjudul “*Tree Sculpture*” (c.1960) dengan teknik dan bahan yang sama.

Rumusan bandingan dinyatakan sebagai karya “*Rimba / Forest*” (1967) oleh Anthony Lau menerima pengaruh ketara terhadap gaya seni barat. Dapatan analisa menunjukkan terdapat aplikasi semua atribut kajian yang menjelaskan kewujudan pengaruh Barat melalui gaya Abstract Constructivism.



Artis: Anthony Lau. Tajuk: Sea Harvest. Tahun: 1968.
Bahan: Mild Steel plate and rod. Ukuran: 60 x 30 x 30cm.



Artis: Seymour Lipton. Tajuk: Maquette for Wheel. Tahun:
Executed circa 1965. Bahan: Metal plate. Ukuran: 26 x 26
x 19.7 cm.

Gambar 6: Perbandingan Imej “Sea Harvest” (1968) oleh Anthony Lau dan “Maquette for Wheel” (c.1965) oleh Seymour Lipton.

Jadual 3: Analisa Perbandingan arca “Maquette for Wheel” (c.1965) oleh Seymour Lipton and “Sea Harvest” (1968) oleh Anthony Lau.

No	KRITERIA KOMPARATIF	WESTERN ARTIST	LOCAL ARTIST
		Artis: Seymour Lipton Karya: Maquette for Wheel (c.1965)	Artis: Anthony Lau Karya: Sea Harvest (1968)
i	Kesamaan Bahan	x Bungkah besi (<i>forged shape</i>)	x Besi R4 mild steel
		√ Kepingan besi	√ Kepingan besi
ii	Kesamaan Teknik	√ Teknik soldering	√ Teknik kimpalan
		√ Lipatan / <i>Bending</i>	√ Lipatan / <i>Bending</i>
		x Potongan mesin (<i>Shears cut / Snips Shears</i>)	x Potongan gas
iii	Kesamaan ikon / hal-benda	x Objek buatan manusia	x Hidupan akuatik bercengkerang
		x Roda / <i>Wheel</i>	x Cengkerang
iv	Kesamaan Bentuk /	√ Konstruksi secara cantuman dua bentuk lengkungan	√ Konstruksi secara cantuman dua bentuk lengkungan

² Salah satu prinsip seni yang disifatkan sebagai menjiwai secara konservatif terhadap nilai-nilai, keberkesanan, fungsi, kelembutan, keterbatasan dan lain-lain sifat dinamik dalam elemen garisan.

Komposisi	√	Tidak berasaskan binaan kerangka asas	√	Tidak berasaskan binaan kerangka asas	
	√	Kedalaman sebagai satu penekanan terhadap ruang	√	Kedalaman sebagai satu penekanan terhadap ruang	
	+	Tapak tebal (Kotak besi yang dicat putih)	+	Tapak nipis (kepingan besi 5mm)	
v	Kesamaan Tajuk	x	Maquette for Wheel	x	Sea Harvest
vi	Kesamaan Gaya	√	Abstrak Ekspresionis	√	Abstrak Ekspresionis

Petunjuk:

√ Hubungan Signifikan + Hubungan Setara = Hubungan Minima x Tiada Hubungan

RINGKASAN KOMPARATIF

Sea Harvest merujuk hasil kegiatan ekonomi kaum nelayan atau barangkali tentang keunikan habitat hidupan laut. Tajuk tidak spesifik, namun bentuk mencadangkan spesis hidupan akuatik bercengkerang sama ada siput, kerang, atau lala. Tidak temui sebarang makna simbolik disebalik bentuk ini, walaupun terdapat penggunaan analogi siput dalam pantun dan peribahasa, namun ia sekadar pembayang. Abstraksi zoomorfik (*aquatic*) dengan kesedaran menghilangkan kesempurnaan sifat-sifat fizikal dan penafian kesamaan bentuk sejadi, konsep pengulangan dan konstruksi bentuk organik. Konstruksi karya melibatkan gabungan atribut kajian yang menunjukkan wujud pengaruh gaya Barat.


Pengaruh Setara

Seymour Lipton lahir pada November 6, 1903, New York City, New York, United States dan meninggal dunia pada December 5, 1986. Beliau adalah sarjana lulusan Columbia University College of Dental Medicine (1923–1927). Mulanya Lipton adalah seorang doktor gigi. Pada awal tahun 1932 Lipton mulai memberi tumpuan dan belajar sendiri sebagai pengarca realis menggunakan batu dan kayu. Lipton disebut sebagai inovator penting dalam pergerakan abstrak ekspresionis melalui siri-siri arca berbentuk sayap yang disebut menyerlahkan ungkapan seni yang lebih kompleks.

Lipton mendapat inspirasi gaya surrealisma ketika mencari metafora dan melakukan eksplorasi terhadap keperibadian karya seninya. Sehingga pertengahan tahun 1940-an Lipton membangunkan tema kemanusiaan dan memulakan cabaran rohaninya dalam binaan bentuk berasaskan logam. Lewat tahun 40-an, eksperimentasi beliau berjaya menemukan teknik yang sesuai untuk dimanfaatkan sepanjang kariernya. Teknik ini dijana dengan cara memotong bentuk dari lembaran aloi logam, kemudian dicantum untuk membina bentuk (Lori Verderame, 2000). Sekitar tahun 1952 beliau telah menemukan proses tersendiri yang unik. Kejayaan ini meletakkan beliau dengan pujian sebagai inovator teknikal. Inovasi ini menggunakan bahan baru dikenali sebagai *Monel*³, iaitu sejenis logam rustproof sebagai lembaran kerja, kemudian dipateri dengan nikel perak atau tembaga untuk lekatan dan menghasilkan tekstur. Karya-karya beliau mendapat pengiktirafan yang meluas pada tahun 1950an, sehingga dimalapkan dengan kemunculan Minimalism (Rosenfeld, Michael, 2005).

Arca “*Maquette for Wheel*” (c. 1965) oleh Seymour Lipton berilhamkan objek buatan manusia, dan dibina dalam bentuk seakan bulatan melalui cantuman beberapa lembaran besi yang bertindih-tindih. Umumnya setiap lembaran kerja dipotong kasar dan di kelar-kelar menggunakan gunting logam bagi memudahkan lipatan (Gambar 7). Potongan sebegini meninggalkan bulu-bulu tajam akibat kemasan yang tidak diutamakan. Kesan potongan ini diperhatikan melalui pembesaran image menggunakan perisian adobe photoshope dalam skala besar beresolusi tinggi.

³ Aloi nikel-tembaga dengan kekuatan tegangan tinggi dan ketahanan terhadap kakisan, mengandungi nikel 65-70%, tembaga 20-29%, dan sedikit besi, mangan, silikon dan karbon.



Gambar 7: Lukisan Garis sudut Sedia Ada Arca “Maquette for Wheel” (c.1965) oleh Seymour Lipton.

Lembaran-lembaran kerja ini dilentur bengkok menjadi separuh bulatan. Kemudiannya disusun kasar dan tidak teliti untuk membentuk bulatan yang tidak sempurna. Satu bahagian dibiarkan terbuka dan satu lembaran lengkung lain sebagai penutup boleh laras, sekali gus memberikan sempadan kontras antara ruang dalam dan luar. Dapat diperhatikan sebatang besi mampat yang ditempa kepada bentuk empatsegi, difungsikan sebagai gandar, kemungkinan untuk membenarkan ia berputar. Hal ini mendekati bentuk dan tajuk karya dengan baik. “Maquette” itu bermaksud model atau sketsa awal.

Menganalisa rekaan bentuk, ia seperti perisai helmet-bertutup satria Renaissance Zaman pertengahan. Dari sudut simbolisme, helmet melambangkan pemikiran yang tinggi. Maknanya berubah menjadi pemikiran yang tersembunyi jika kedok itu diturunkan (Cirlot, J. E., 1971). Open-visored atau topi keledar berpaling dikhususkan kepada kaum pemuka, manakala golongan bawahan atau lebih rendah menggunakan topi tertutup. Analoginya, arca ini mencadangkan bentuk ilusi sebuah roda seumpama a *knight helmet* yang simboliknya bermaksud kitaran kehidupan. Situasi ini merujuk cabaran hidup manusia yang terpaksa menempuh pelbagai darjah kesukaran. Kesemuanya memerlukan idea-idea inovasi untuk kelangsungan hidup.

“Sea Harvest” (1968) oleh Anthony Lau didirikan dengan asas yang sama, iaitu menggunakan kepingan besi dalam menggubah bentuk dan komposisi. Sepertimana Lipton, Lau juga tidak mementing struktur atau kerangka sebagai asas pembinaan karya. Perbezaan hanyalah dalam cara bagaimana kepingan logam dipotong dan dibentuk. Kaedah *torch cut* oleh Lau meninggalkan impak bergerigi sebagai tectura tidak terancang, yang dari segi estetikanya memberikan nilai tambah yang lebih menarik.

Kaedah ketuk lengkung (*doming*) diusahakan dengan sambungan beberapa keping besi untuk membentuk dua buah mangkuk bujur seumpama kulit kacang sebagai kulit cengkerang. Bahagian bibir cengkerang dikemaskan dengan lilitan dawai besi, sebagai satu penekanan terhadap elemen garisan. Kesan-kesan ketukan kepala tukul jenis *ballpein* kelihatan berbonggol-bonggol meninggalkan satu lagi kesan jalinan pada permukaan bentuk. Bentuk asas ini dicantumkan menjadi satu unit yang bertindan, di mana sebahagiannya dibiarkan terdedah. Mengaktifkan ruang kosong pada permukaan bentuk asas, jalur-jalur kepingan besi ditampal dalam susunan berputar menzahirkan prinsip-prinsip pengulangan dan pergerakan.

Tidak ditemui apa-apa makna simbolik kerang dalam budaya Melayu. Namun menyelidik dalam kaca mata seniman bukan Islam, mendapati hidupan bercengkerang seperti siput dan cengkerang yang terkait dengan spiral, samada satu, dua atau lebih lingkaran, ia terkait symbol kuno tentang dewi, rahim, kesuburan, gaya ular feminin, perubahan terus-menerus, dan evolusi alam semesta. Dilihat pada fokus cantuman dua bentuk dalam komposisi yang bertentangan, ia seolah-olah menyerupai konsep Yin Yang alam ajaran Taoism (Carl G. Liungman, 1991).

Rumusan bandingan dinyatakan sebagai karya “*Rimba / Forest*” (1967) oleh Anthony Lau menerima pengaruh ketara dari gaya seni barat. Dapatan analisa menunjukkan terdapat aplikasi semua atribut kajian yang menjelaskan kewujudan pengaruh Barat melalui gaya Abstract Constructivism.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Gaya Abstrak Konstruktivisma dan Abstract Ekspresionisma menjelaskan tentang imej mujarrad, yang penampilannya bukan dalam bentuk sejadi, sebaliknya penerokaan abstraksi untuk menyampaikan emosi dan makna berasaskan imej-imej kreativiti bukan realiti. Arca-arca Anthony Lau diolah dengan cara yang tersendiri untuk menyatakan emosi yang dipersembahkan melalui bahan industri dan imaginasi. Subjek dimanipulasi, pihan bentuk, ruang, skala dan adakalanya warna ditonjolkan dengan ciri-ciri seperti berikut:

- i Elemen garisan dizahir dengan penegasan, ketegangan, kebimbangan dan pergerakan yang penuh persoalan
- ii Subjek-subjek lebih cenderung kepada bentuk amorfus (tidak dapat ditentukan; kabur, samar)
- iii Menggunakan bahan-bahan dan mekanikal industri iaitu binaan struktur didirikan menggunakan teknik kimpalan
- iv Subjek-subjek pilihan bukan persembahan sebenar alam nyata, sebaliknya hasil unjuran idea dalaman yang mengutamakan keadaan emosi dan psikologi. Imej-imej dipiuhkan kepada bentuk yang asing dari kelaziman
- v Menggunakan bahan-bahan atau warna konvensional

KESIMPULAN

Karya arca “*Rimba / Forest*” (1968) oleh Anthony Lau memiliki tahap kesamaan bandingan atribut yang paling dominan, merangkumi konstruksi bentuk, teknik dan bahan. Persamaan pada ciri-ciri tajuk, subjek dan gaya abstrak konstruktivisma sepadan dengan persembahan karya “*Forest*” (1963) oleh Harold B. Cousins adalah sangat ketara. Kecenderungan ini sangat kuat sehinggakan bentuk yang dibina terlalu sedikit perbezaannya. Menganalisis karya “*Rimba / Forest*” (1968) dari aspek kreativiti atau perkembangan seni, karya ini tidak begitu menonjol untuk disebut sebagai tulin atau terkehadapan (*advance*) daripada seseorang yang disebut seniman pelopor.

Arca-arca “*Ayam Jantan / Cockerel*” (1963) dan “*Hasil Laut / Sea Harvest*” (1968) ternyata menjejak aliran Abstrak Ekspresionis. Kedua buah karya ini menggunakan subjek figura zoomorfik dipersembahkan dengan sedikit pihan memberikan bayangan amorfus terhadap konstruksi bentuk. Tidak dinafikan, dari aspek kepandaian mengolah bahan, kehalusan kerja, penguasaan kemahiran menampakkan kesungguhan beliau kepada bahan, teknikal, idea dan gaya.

Justifikasi terhadap tiga karya Anthony Lau, membenarkan ungkapan bahawa wujud sifat-sifat lokaliti dalam aspek ikonografi dan teknikal, tetapi berpaksikan barat dalam aspek pengayaan. Pola perkembangan arca Anthony Lau dijelaskan sebagai kesinambungan amalan gaya seni barat dalam proses penghasilan karya. Amalan di sini merangkumi asimilasi prinsip-prinsip dan elemen seni mengikut bahasa sezaman. Biasan ini turut memberikan andaian khususnya arca-arca logam di Malaysia menerima tempas yang sama. Biasan ini turut memberikan andaian

khususnya arca-arca logam di Malaysia menerima tempias yang sama. Kecenderungan terhadap gaya barat tidak akan terhenti, ia akan sentiasa ada dan berubah-ubah mengikut desakan keinginan pengkaryanya itu sendiri.

RUJUKAN

- Ahmad, Mohd Yusof; Tan Sei Hon; Amizan, Anis, et.al., *SeniKini#13: Khazanah seni visual negara, siri II*, Balai Seni Visual Negara, Keluaran 11/2011, 25 Sept. 2011. Kuala Lumpur: BSVN. 2011. p. 6.
- Baharuddin Mohammad Arus. (1996). *Dialog kurator tamu dalam persoalan tradisi & kemodenan: pameran seni arca kontemporari Malaysia*. Balai Seni Lukis Negara:Kuala Lumpur.
- Baverly Yong. (2003). *Formative: contemporary Malaysian sculpture*. Valentine Willie Fine art: Kuala Lumpur.
- B.N. Marbun. (1996). *Kamus politik*. Jakarta: Pustaka Sinar Harapan.
- Bernadette. *What is my spirit animal?* <https://whatismyspiritanimal.com/spirit-totem-power-animal-meanings/birds/rooster-symbolism-meaning/>. Web., 10/11.2016.
- Carl G. Liungman. *Dictionary of symbols.*, New York: W. W Norton & Company., 1991.p.,357.
- Cirlot, J. E. *A Dictionary of Symbols*. 2nd Ed. London: Routledge. 1971. pp.51,52,143.
- Christie's. *Seymour Lipton*. (American, 1903-1986): Maquette for "Wheel", <http://www.christies.com/lotfinder/Lot/seymour-lipton-american-1903-1986-maquette-for-5481782-details.aspx>. Web.5/01/2017. (Rujukan Imej).
- Dolores D. Wharton. *Contemporary artists of Malaysia: A Biographic survey*. 1971. Selangor: Malaya Publishing & Printing Co. p.,49.
- Eduard Trier. *Form and space: sculpture of the twentieth century*. London: Thames and Hudson. 1960 p.,158. (Rujukan Imej).
- Eduard, Trier. *Sculpture of the twentieth century*. London: Thames and Hudson. 1960. p.160.
- Fontana, David. *The secret languages of symbols: A visual key to symbols and their meanings*. San Francisco: Chronicle Books. 1994. p.,84.
- Galerie Riviera. *Michel Anasse Zoomorphic sculpture*. <http://www.galerieriviera.com/en/collection/sold/michel-anasse-zoomorphic-sculpture-58.html>. Web.,26/08/15. (Rujukan Image).
- Harold Cousins. *'Plaiton' sculpture: its origin and development*. Leonardo, Vol.4, pp.351-354. Great Britain: Pergamon Press. 1971. p.35.
- Harold B. Cousins. *Harold B. Cousin. Gallery*. <http://www.haroldcousins.com/AllWorks/page8.html>. Web.,22/05/2012. (Rujukan Image).
- Harold Cousins. *Biography*. <http://www.haroldcousins.com/>. Web.5\10\2013. (Rujukan Imej).
- Liza Marziana, Mohammad Noh, Hamdzun Haron, Abdul Latiff Samian, Ahmad Rashidi Hasan. *The malay cultural symbol in malaysian modern sculpture* in proceedings of the 2nd International colloquium of art and design education research (i-CADER 2015).Singapore: Springer., 2016., pp261- 271.
- Lori Verderame. *An american sculptor: seymour lipton.*, Palmer Museum of Art (Pennsylvania State University), Marion Koogler McNay Art Museum., New York: Hudson and Hill Press. 2000. p.,10.
- Ooi Kok Chuen. *Anthony Lau's imposing sculpture in fort canning park*. Art & Leisure, New Sunday Times, Nov. 6. Kuala Lumpur: NST. 1988. p,15.
- Rosenfeld, Michael., *Seymour Lipton: "Abstract Expressionist Sculptor"*. http://images.michaelrosenfeldart.com/www_michaelrosenfeldart_com/The_New_York_Times_May_6_2005.pdf. Web., 16/01/2017.
- Symbols and their Meaning. <http://www.crossroad.to/Books/symbols1.html>
- Tamyez Bajuri. (1996). *Dialog kurator tamu dalam persoalan tradisi & kemodenan: pameran seni arca kontemporari Malaysia*. Balai Seni Lukis Negara: Kuala Lumpur.
- T.K Sabapathy. (1976). *Tinjauan seni arca moden di Malaysia*. Balai Seni Lukis Negara. United Selangor Press: Kuala Lumpur.